

28/06/1998

Usah sertai asing cela KLIA (HL)

Ebi Azly Abdullah; Zulkofli Jamaluddin

SEPANG: Rakyat diminta memberi teguran membina bagi memperbaiki perkhidmatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), bukannya menyertai pihak asing yang terus mencaci cela lapangan terbang itu, yang kedua terbesar di dunia.

Menegaskan KLIA bukan satu pembaziran dan tidak sekali-kali menjadi punca kegawatan ekonomi negara, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, seluruh rakyat seharusnya berbangga dengan KLIA yang disifatkannya yang tercantik dan termurah di dunia.

"KLIA adalah milik rakyat Malaysia dan kitalah akan menggunakannya lebih daripada orang lain. Gunakanlah KLIA dengan sebaik-baiknya. Tegurlah jika ada apa-apa yang tidak kena dan kita akan cuba membaikinya bersama.

"Saya harap rakyat Malaysia tidak akan menyertai pihak asing yang tetap akan mencaci cela lapangan terbang ini. KLIA bukan pembaziran, sebaliknya ia adalah projek yang tepat pada masanya.

"Jika kita tidak membinanya semasa ringgit kita kukuh, hari ini tidak mungkin kita binanya sama sekali," katanya pada majlis perasmian KLIA yang disempurnakan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Jaa'far di kawasan piazza Bangunan Terminal Utama (MTB) KLIA di sini, malam tadi.

Kira-kira 1,400 jemputan menyaksikan upacara gemilang dan bersejarah itu. Turut hadir Permaisuri Agong Tuanku Najihah, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isterinya, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; anggota Kabinet dan diplomat asing.

Upacara perasmian KLIA yang penuh berwarna-warni itu, menggabungkan kecanggihan teknologi dengan unsur kebudayaan dan tradisional tempatan, turut disiarkan secara langsung menerusi TV1 dan radio.

Sempena majlis perasmian, 150 penduduk Sepang serta tetamu Penerbangan Malaysia (MAS) termasuk media, diberi kesempatan menaiki pesawat B777 MAS dan mendarat di KLIA, kira-kira jam 9.45 malam.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata, projek pembinaan KLIA sebenarnya yang 'termurah' di dunia dan dapat membantu pemulihan ekonomi negara.

Dr Mahathir menegaskan KLIA memang 'gergasi' dari segi keluasan tanah dan kapasiti, tetapi dari segi kos ia amat murah berbanding lapangan terbang lain yang sedang dibina di rantau ini.

Beliau memberi contoh Lapangan Terbang Hong Kong yang akan dirasmikan minggu depan, berharga AS\$9 bilion (RM35 bilion) tanpa mengambil kira kos pembinaan jambatan dan jalan raya.

"Ramai yang percaya KLIA adalah salah satu projek 'mega' yang menyumbang kepada masalah ekonomi Malaysia ketika ini.

"KLIA hanya (berharga) RM9 bilion dan dengan kegawatan sekarang, kita sudah tentu langsung tidak membinanya. Tetapi kita membuat keputusan tepat dan pada (kos) RM9 bilion, ia adalah lapangan terbang termurah.

"Dari segi kos, ia tidak 'mega' langsung (sebaliknya) projek paling mapan di dunia. Jauh daripada menjadi punca kemerosotan ekonomi kita, KLIA dijangka membantu proses pemulihan," katanya.

Lapangan terbang seluas 10,000 hektar itu menggantikan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (L TSAAS) di Subang sebagai pintu masuk utama ke negara ini. KLIA mula beroperasi jam 7 pagi Selasa ini.

Perdana Menteri berkata, KLIA akan menjadi pemangkin pembangunan ekonomi dan pelancongan di negara ini dengan sebahagian besar pelancong asing

menjadikan lapangan terbang itu sebagai tempat permulaan mengenali Malaysia.

Sehubungan itu, beliau meminta semua pihak supaya menjaga mutu perkhidmatan dan layanan serta kecepatan dan kecekapan khidmat di KLIA termasuk kastam serta imigresen.

Dalam konteks itu, Dr Mahathir mengingatkan Malaysia Airports Bhd (MAB) selaku pengendali KLIA, memberikan perhatian lebih terhadap penjagaan lapangan terbang terbabit.

"Reka bentuk moden dan kemudahan berteknologi tinggi menimbulkan harapan perkhidmatan dan layanan lebih baik oleh penumpang dan pengguna lapangan terbang.

"Harapan ini mesti dijadikan kenyataan," katanya.

Menurut Perdana Menteri, ketika kegawatan KLIA menawarkan kapasiti untuk pertumbuhan tidak terbatas kepada industri penerbangan di rantau Asia-Pasifik, khususnya perkembangan syarikat penerbangan.

Katanya, sesuatu `hub' penerbangan hanya berjaya jika ia menawarkan rangkaian penerbangan sambungan yang luas dan KLIA perlu membuat promosi bersemangat untuk meluaskan rangkaian penerbangan itu dan menentukan caj lapangan terbang pada tahap kompetitif.

"Inilah cabaran yang dihadapi semua, secara langsung atau tidak langsung.

"Janganlah terlalu mengutamakan bidang kuasa sehingga terjejas perkhidmatan di KLIA," katanya.

Mengimbau latar belakang pembinaan KLIA, Dr Mahathir berkata, lapangan terbang itu dibina di bawah pengurusan rakyat Malaysia sepenuhnya walaupun pada mulanya kerajaan mahu melantik pengurusan dan kontraktor utama asing.

(END)